

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)  
**TARIKH :** 20 MAC 2018 (SELASA)  
**NO. SOALAN :** 12

**SOALAN**

**YB TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang sambutan dari pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga dan pengilang-pengilang tempatan terhadap promosi www.alibaba.com sejak ia dimulakan:

- (a) jumlah bilangan yang diterima masuk ke laman web ini dari negara kita sehingga Disember 2017 dan anggaran tambahan eksport dari usaha ini; dan
  
- (b) bagaimanakah kementerian dapat mengawal kualiti produk dan barang buatan Malaysia dalam urus niaga secara online.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai promosi www.alibaba.com adalah berkaitan dengan Projek Perintis Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang bertempat di Terminal Kargo

Udara 1 (KACT1) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Projek Perintis DFTZ ini yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri dan Jack Ma pada 3 November 2017 merupakan salah satu inisiatif utama di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (NeSR).

Pelan Hala Tuju ini telah menetapkan sasaran untuk menggandakan kadar pertumbuhan eDagang di Malaysia daripada 10.8% pada tahun 2016 kepada 20.8% menjelang 2020. Kadar pertumbuhan ini seterusnya akan menyumbang lebih RM211 bilion nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berbanding sasaran awal yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) iaitu sebanyak RM114 bilion.

Projek Perintis DFTZ , antara lain memberi manfaat kepada PKS tempatan seperti berikut:

- (i) platform terbaik bagi PKS tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui aktiviti eDagang rentas sempadan;
- (ii) menawarkan fasiliti gudang *eFulfilment* yang lebih efisyen;
- (iii) platform perkhidmatan Kerajaan yang lebih berintegrasi dan seragam; dan
- (iv) penambahbaikan ke atas waktu pelepasan Kastam dan kargo dari enam jam ke tiga jam.

DFTZ akan memberi peluang kepada PKS yang menceburti perniagaan dalam talian (*online*) untuk meningkatkan eksport mereka ke pasaran global dengan menggunakan kelebihan Alibaba sebagai syarikat eDagang gergasi antarabangsa yang mempunyai 440 juta pengguna di 190 negara. Sejak Projek Perintis DFTZ ini dilaksanakan pada akhir tahun

lepas, ianya telah mula menampakkan impak positif dalam merealisasikan matlamat ke arah meningkatkan penyertaan PKS dalam transaksi eDagang rentas sempadan. Usaha ini dijangka akan dapat menggandakan jumlah eksport PKS tempatan kepada US\$38 bilion menjelang 2025. Sehingga Disember 2017, seramai 1,998 PKS tempatan telahpun berdaftar untuk mengeksport produk mereka menerusi platform Alibaba di bawah Projek Perintis DFTZ. Beberapa contoh PKS tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran eksport menerusi DFTZ ialah:

- (i) Takaso Rubber Products Sdn. Bhd. dari negeri Johor yang telah mengeksport produk berdasarkan getah seperti '*baby pacifiers*' dan kondom ke Negara China;
- (ii) Yan Ming Resources Sdn. Bhd. dari negeri Selangor yang telah mengeksport sarang burung walit ke Negara China, Bangladesh dan Qatar; dan
- (iii) Kueen Sing Auto (M) Sdn. Bhd. dari negeri Selangor yang telah mengeksport alat ganti kenderaan seperti '*airmatic suspension absorber*' ke Negara China.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melibatkan lebih ramai pemain industri tersohor selain dari Alibaba untuk turut sama menyertai DFTZ. Sebagai contoh, syarikat Lazada telahpun bersetuju untuk menyertai inisiatif DFTZ mulai 2018, bagi meningkatkan eksport PKS tempatan ke pasaran serantau dan global. Lain-lain eMarketplace yang telah dikenalpasti untuk turut serta dalam DFTZ

termasuk Amazon, eBay, Trade India, Matahari Mall dan eMarketplace tempatan seperti Dagang Halal, Aladdin Street, Zilzar serta BuyMalaysia. Usaha juga akan dipergiatkan bagi melibatkan lebih ramai PKS untuk menembusi pasaran eksport melalui inisiatif DFTZ.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha membantu PKS agar sentiasa menjaga aspek pengawalan kualiti produk yang diniagakan secara dalam talian, SME Corp. Malaysia menerusi “*Business Accelerator Programme*” (BAP) ada menyediakan bantuan pembiayaan kepada PKS yang berkelayakan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan mereka dari segi kualiti pembungkusan produk, mendapatkan pensijilan bagi jaminan kualiti produk serta pembelian mesin bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran produk yang dipasarkan.

PKS juga turut digalakkan supaya mengikuti Program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) sebagai kaedah penilaian prestasi PKS yang turut meliputi aspek tahap keupayaan sesuatu produk untuk menembusi pasaran eksport.